

# Anugerah khas tarik industri, komuniti sokong projek UPM

Kejayaan kerjasama pelbagai sektor perindustrian, pertanian, komuniti dan Universiti Putra Malaysia (UPM) disemarakkan lagi dengan anugerah khas yang diberikan pada Majlis Apresiasi Industri dan Komuniti di Dewan Banquet, baru-baru ini.

Majlis bertemakan Malam Rangkaian UPM-Industri-Komuniti: Membina Kerjasama Bersepadu Dalam Pertanian Bandaran, menganugerahkan tiga kategori sektor yang dinilai berdasarkan kejayaan yang dicapai.

Setiap program perlu mencapai taraf lima bintang dan minimum empat bintang bagi semua sektor, iaitu industri, komuniti dan kakitangan UPM.

Melalui program yang dijalankan setiap industri juga memberi sumbangan kewangan atau setara dalam jumlah yang sesuai kepada UPM.

Di samping itu komuniti perlu memberi sokongan padu kepada masyarakat setempat yang turut aktif menyertai program sehingga berjaya sepenuhnya.

## Lambang hidup mati UPM

Menurut Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, anugerah khas tahunan ini sebagai usaha menarik lebih banyak sektor perindustrian dan komuniti menyertai program jaringan antara tiga pihak itu yang bermula sejak 2011.

"Anugerah ini besar ertinya kerana ia juga adalah lambang hidup mati UPM sebenarnya bagi tempoh jangka masa panjang," katanya.

Ketika ini lebih 50 syarikat perindustrian pelbagai jenis menyertai program yang menjana pendapatan tinggi termasuk bidang pemakanan, pertanian, kejuruteraan elektronik, telekomunikasi dan pendidikan.

Bagi kategori Industri berimpak tinggi, tiga syarikat terpilih menerima anugerah itu, CES Co Ltd, Huawei Technologies Sdn Bhd dan HP (M) Sdn Bhd, manakala Kategori Komuniti dimenangi Batu Talam, Pahang, Parlimen Pasir Gudang, Johor dan Mukim Sungai Galah, Perak.

Sementara itu, itu Anugerah Pusat Tanggung Jawab (PTJ) Cemerlang dimenangi Fakulti Pertanian kerana kejayaan dalam projek di bawah Jaringan Industri dan Komuniti dan bagi Jaringan Industri dan Komuniti Berimpak Tinggi dimenangi Fakulti Pendidikan,

Bagi kategori Individu, lapan kakitangan UPM yang terbabit dengan projek Jaringan Industri Berimpak Tinggi terpilih untuk menerima anugerah itu.

Mereka termasuk Prof Dr Mohd Ali Hassan dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Dr Salmi Baharom (Fakulti Sains Komputer), Prof Madya Dr Yahya Awang (Fakulti Pertanian) dan Prof Madya Dr Khairuddin Idris (Fakulti Pengajian Pendidikan).

Anugerah kategori individu itu juga diberikan kepada kakitangan khidmat sokongan antara pemenangnya, Pegawai Tadbir Akademi Sukan, Roszini Mohammad Nor, Pegawai Sains Institut Penyelidikan Produk Halal, Fariah Liyana Khalid, dua Pegawai Pertanian Fakulti Pertanian, Mohd Ghazali Mohd Satar serta Zaidi Tajuddin.

## Mekanisme kerjasama erat

Menurut beliau, kerjasama erat adalah mekanisme terbaik bagi menghasilkan projek berkualiti tinggi dengan memberi hasil yang boleh dinikmati semua pihak, khususnya meningkatkan ekonomi komuniti, latihan amali untuk pelajar dan kepakaran pensyarah UPM

**"Anugerah ini besar ertinya kerana ia juga adalah lambang hidup mati UPM sebenarnya bagi tempoh jangka masa panjang"**

**Mohd Fauzi Ramlan,**  
Naib Canselor UPM

ditingkatkan dan disalurkan.

"Kami juga mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor bagi Hubungan Industri dan Komuniti, Prof Dr Renuganth Varatharajoo khusus bagi mengendalikan program ini sebagai langkah lebih serius dalam memastikan semua fakulti terbabit sama dalam projek yang dijalankan.

"Transformasi serta pemindahan teknologi dari UPM ke komuniti dan industri ini juga penting dalam melahirkan graduan yang lebih mudah mendapat pekerjaan sebaik tamat latihan amali dan akademik mereka," katanya.

Beliau berkata, sebenarnya UPM sudah mempunyai kepakaran di bidang pertanian sejak awal penubuhan Universiti Pertanian Malaysia dan sektor itu masih menjadi tumpuan utama walaupun sudah bertukar nama.

Bagaimanapun, ketika ini UPM menjalani penjenamaan semula sejak tertubuhnya UCTC (Pusat Transformasi Komuniti Universiti pada 14 Mac 2013).

Walaupun baru, kejayaan yang dicapai amat membanggakan, bila mana lebih 50 syarikat menyertai program dengan banyak kawasan mula menampilkan komuniti membangunkan projek Pertanian Bandaran.

Sepanjang tahun lalu, kerajaan membelanjakan RM14 bilion untuk mengimport makanan, masalah ini mampu dikurangkan dengan menerusi Pertanian Bandaran yang boleh menjana ekonomi penduduk dengan anggaran pendapatan antara RM100 dan RM500 sebulan bagi setiap keluarga.

"Dengan kejayaan yang dicapai ketika ini menerusi kepakaran UPM, saya amat yakin matlamat program ini berjaya dicapai sepenuhnya," katanya.



Mohd Fauzi (kanan) menyampaikan anugerah staf cemerlang kepada Mohd Ali pada Majlis Penyampaian Anugerah Kepada Rakan Industri/Komuniti / PTJ di UPM, Serdang.



**SERI INTAN  
OTHMAN**

intan@bh.com.my